

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 29 DISEMBER 2023  
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 3

PADU disiapkan penjawat awam, tiada kos - Rafizi

# PADU disiapkan penjawat awam, tiada kos - Rafizi

Oleh **AHMAD FADHULLAH  
ADNAN**  
utusannews@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Pembangunan Pangkalan Data Utama (PADU) tidak melibatkan perbelanjaan tambahan untuk membina sistem tersebut selain tiada pembayaran tahunan perlu dilakukan kerajaan.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli (gambar) berkata, sistem PADU dibangunkan sepenuhnya oleh penjawat awam dari tiga agensi utama yang terdiri daripada kementeriannya, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) yang melibatkan kerjasama semua agensi lain.

Menurut beliau, penjawat awam membangunkan PADU menggunakan peruntukan sedia ada dan segala infrastruktur yang telah ada tanpa perlu membuka tender baharu kepada

pihak swasta.

Justeru, katanya, ia tidak melibatkan perbelanjaan tambahan seperti yang selalu berlaku setiap kali ada sistem baharu yang diperkenalkan kerajaan.

"PADU dibangunkan dalam tempoh masa yang sangat singkat iaitu tujuh bulan (dari Mei 2023 hingga Disember 2023). Ia mengatasi pelaksanaan projek-projek sistem yang dikendalikan oleh pihak swasta sebelum ini dari segi keupayaan menyiapkan sistem untuk keperluan kerajaan dan rakyat dalam tempoh yang begitu singkat.

"PADU tidak akan melibatkan pembayaran setiap tahun kepada penyedia sistem pihak swasta seperti yang selalu berlaku kerana ia dibangunkan sepenuhnya oleh penjawat awam dan milik kerajaan sepenuhnya.

"PADU berjaya disediakan dalam tempoh yang singkat dan tanpa peruntukan tamba-

han kerana hasil penat lelah penjawat awam yang bersengkang mata selama tujuh bulan," katanya dalam kenyataan semalam.

Dalam kenyataan sama, Rafizi mengucapkan terima kasih kepada semua penjawat awam dan keseluruhan anggota pasukan dari pelbagai agensi yang bertungkus lumus sejak Mei sehinggalah PADU dapat diluncurkan secara rasmi minggu depan.

Dalam pada itu, Rafizi berkata, PADU akan dibuka selama tiga bulan untuk semua warga negara

mengesahkan dan mengemaskini data sosioekonomi mereka selepas dilancarkan Selasa depan.

Katanya, walaupun kebanyakan info seperti maklumat peribadi, pendapatan, kenderaan, anak dan tanggungan sudah tersedia, namun ia perlu disahkan dan dikemaskini untuk memastikan data kerajaan itu berlaku adil kepada rakyat.

